

05/01/1999

Dr M terima Anugerah Keamanan U Thant

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima Anugerah Keamanan U Thant daripada pemimpin keamanan antarabangsa, Sri Chinmoy, yang mengadakan pertemuan dengan beliau di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Anugerah itu sebagai menghargai pengorbanan Perdana Menteri kepada rakyat Malaysia dan negara membangun lain serta jasa beliau ke arah integrasi rohani dan kebendaan sepanjang 18 tahun menerajui kepemimpinan negara.

Ketika menyampaikan anugerah itu, Sri Chinmoy berkata, beliau amat menyanjungi kecekalan Dr Mahathir yang tidak mudah mengalah.

"Anda inginkan negara anda teguh dengan cara tersendiri. Anda tidak rela menggadai kebebasannya kepada negara lain. Anda ingin gunakan kebebasan untuk kebaikan rakyat," katanya.

Dr Mahathir, sebagai menghargai anugerah itu, mendoakan kejayaan kepada perjuangan keamanan Sri Chinmoy.

"Saya yakin bersama kita akan berjaya," katanya.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir menjulang Obor Larian Keamanan Sri Chinmoy yang akan merentasi setiap negara di dunia serta menghimpunkan jutaan manusia daripada pelbagai budaya, latar belakang dan agama.

Sri Chinmoy kini dalam rangka lawatan ke Malaysia bersama 200 penuntutnya daripada pelbagai agama. Beliau akan singgah di Pulau Pinang sebelum menuju ke Indonesia.

Anugerah Keamanan U Thant yang dinamakan sempena bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu adalah sebagai menyanjungi jasa individu dan pertubuhan kepada keamanan dunia.

(END)